



SYARAT-SYARAT PENIAGA SEMENTARA DI PUTRAJAYA

SYARAT-SYARAT AM

1. Peniaga dikehendaki mempamer lesen penjaja sementara di gerai pada sepanjang masa.
2. Peniaga hendaklah mempamerkan tanda harga barangan yang dijual sepanjang masa.
3. Peniaga hendaklah memakai tanda nama yang mempamerkan nombor gerai.
4. Peniaga dan pembantu gerai di kalangan warga asing adalah tidak dibenarkan.
5. Peniaga yang dilesenkan hendaklah menjalankan sendiri petak perniagaannya. Peniaga tidak dibenarkan memajak atau menjual kebenaran berniaga ini kepada pihak lain.
6. Peniaga tidak dibenarkan mengubah jenis jualan yang telah diluluskan tanpa kebenaran bertulis pihak Urusetia/Perbadanan Putrajaya .
7. Peniaga tidak dibenarkan mempamer atau menjalankan sebarang aktiviti berkaitan parti politik sewaktu menjalankan perniagaan.
8. Peniaga tidak dibenarkan menggunakan pelaung, pembesar suara, mikrofon atau apa-apa alat lain untuk mempertingkatkan bunyi pada masa menjalankan perniagaan melainkan dengan kebenaran Perbadanan.
9. Tiada seorang pun boleh mengubah/berpindah dari petak/tapak/gerai yang telah dilesenkan kecuali dengan kebenaran Perbadanan.
10. Peniaga tidak dibenarkan meninggalkan apa-apa barang atau peralatan yang berkaitan dengan trednya setiap kali selepas perniagaan ditutup. Sekiranya terdapat apa-apa peralatan yang ditinggalkan, pihak Perbadanan Putrajaya tidak akan bertanggungjawab ke atas keselamatan peralatan tersebut.
11. Setiap peniaga perlu menjaga dan menyenggara gerai/petak masing-masing supaya sentiasa bersih

12. Peniaga tidak dibenarkan menjalankan perniagaannya dengan cara yang boleh menghalang atau mengganggu kelancaran arus lalu lintas dan pergerakan bebas pengunjung/pelanggan/orang awam di tapak mahupun di jalan raya.
13. Tidak dibenarkan meletakkan kenderaan di bahu jalan/tapak acara yang boleh menyebabkan halangan dan gangguan lalu lintas.
14. Peniaga tidak dibenarkan mengganggu atau menghalang peniaga-peniaga lain atau pegawai Perbadanan Putrajaya dari menjalankan urusan dan tugas masing-masing.
15. Peniaga mestilah memberi kerjasama dan mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh pihak Perbadanan Putrajaya dari masa ke semasa.
16. **Pihak Perbadanan Putrajaya berhak menarik balik lesen perniagaan atau mengarahkan peniaga menghentikan perniagaannya atau mengambil tindakan yang sewajarnya sekiranya didapati peniaga melanggar atau gagal mematuhi mana-mana syarat ditetapkan.**

SYARAT-SYARAT PENGENDALIAN GERAI MAKANAN DAN MINUMAN

1. Setiap peniaga dan pembantu mestilah mendapatkan suntikan *Typhim VI*, pemeriksaan kesihatan dan kursus pengendalian makanan bagi mengendalikan atau menyediakan makanan/minuman. Bukti telah mendapatkan suntikan tersebut hendaklah sentiasa berada bersama dengan pemiliknya dan boleh dikemukakan apabila dikehendaki oleh pihak Perbadanan Putrajaya.
2. Tiap-tiap peniaga hendaklah menyenggara pakaiannya dan dirinya dalam keadaan bersih dan hendaklah memakai apron dan penutup kepala berwarna cerah yang bersih dan memakai kasut semasa menjual dan menyediakan makanan/minuman.
3. Tiap-tiap peniaga hendaklah semasa menjual makanan/minuman menggunakan sarung tangan yang bersih, sepit, penyeduk atau lain-lain alat atau perkakas yang sesuai bagi tujuan mengambil makanan/minuman untuk jualan.
4. Kain yang khusus dan bersih perlu disediakan bagi maksud mengelap atau membersihkan atau mengilap apa-apa peralatan bagi penyediaan makanan/minuman. Kain yang digunakan untuk mengelap atau membersihkan meja tidak boleh digunakan untuk membersihkan peralatan yang digunakan untuk makanan dan minuman/mengelap tangan. Apa-apa bahan yang digunakan untuk membungkus makanan hendaklah bersih. Penggunaan kertas surat khabar untuk membungkus makanan adalah tidak dibenarkan.
5. Peniaga makanan/minuman adalah di larang sama sekali melakukan perkara-perkara berikut:

- i. Menggunakan jari-jarinya ke mulut, mata, telinga, hidung atau kulit kepala semasa menjalankan pembungkusan atau penghidangan makanan/minuman.
 - ii. Menggunakan hembusan untuk membuka mana-mana beg atau pembalut.
 - iii. Menggunakan bajunya untuk mengelap tangan/muka.
 - iv. Meletakkan sesuatu bekas makanan di atas bekas makanan yang lain sehingga boleh mencemarkan makanan/minuman berkenaan.
 - v. Menutup makanan/minuman menggunakan bahan-bahan yang boleh mencemarkannya seperti surat khabar atau kain yang tidak bersih.
 - vi. Batuk atau bersin berhampiran mana-mana makanan/minuman.
 - vii. Dilarang meludah, membuang hingus daripada hidung dan merokok di kawasan persekitaran gerai.
6. Tiap-tiap peniaga hendaklah sentiasa menyimpan makanan/ minuman dan semua bekas yang digunakan hendaklah bersih. Peniaga juga hendaklah memastikan peralatan lain yang digunakan seperti kerusi dan meja hendaklah dalam keadaan bersih, tidak berhabuk, tidak berbau busuk bagi menghindarkan binatang bawaan penyakit seperti tikus, lipas, lalat dan lain-lain.
 7. Peralatan yang digunakan untuk menyimpan, menyediakan dan menghidang makanan hendaklah dari bahan tahan karat, tidak meluntur dan senang dibersihkan. Peralatan yang digunakan sebagai alas untuk kerja-kerja memotong, mencincang dan menghiris hendaklah dari jenis selain daripada kayu yang tidak meninggalkan/menyerap sisa dan sukar dibersihkan.
 8. Makanan/bahan mentah yang telah dimasak/belum dimasak tidak boleh diletakkan di atas tanah. Alas untuk meletakkan makanan/minuman yang di jual mestilah mempunyai ketinggian tidak kurang 0.5 meter dari aras tanah.
 9. Air yang digunakan untuk membancuh minuman jualan hendaklah menggunakan air yang telah dimasak atau air suling.
 10. Bekas simpanan makanan/minuman mestilah tidak pecah, sumbing atau retak.
 11. Hanya aktiviti memasak yang mudah/ringan sahaja dibenarkan dan tempat memasak perlu dialas 10'X10' yang jenisnya boleh menghalang pencemaran tapak dan jenisnya dipersetujui oleh PPj. Pemakaian kayu api untuk memasak adalah dilarang sama sekali.

12. Sinki basuh tangan di kawasan penjualan makanan tidak dibenarkan digunapakai untuk tujuan lain seperti membasuh peralatan hidangan dan mencuci bahan mentah masakan seperti ayam dan daging.
13. Peniaga tidak dibenarkan sama sekali membuang sisa makanan/minuman atau minyak masakan di bahagian jalan, longkang, kawasan landskap dan sekitarnya.
14. Peniaga hendaklah menyediakan portable OGGT yang mencukupi untuk gerai makanan termasuk gerai mobile/caravan serta mana-mana sinki yang disediakan di kawasan acara.
15. Peniaga hendaklah menyediakan tong-tong atau bekas-bekas sampah yang secukupnya untuk mengisi sampah dan semua tong-tong atau bekas-bekas sampah tersebut hendaklah dilapiskan dengan beg plastik sampah. Tong-tong sampah hendaklah sempurna dan bertutup.
16. Semua jenis hendaklah dimasukkan ke dalam tong sampah dan di buang ke dalam tong sampah yang disediakan oleh pihak Perbadanan Putrajaya.
17. Peniaga hendaklah mengasingkan antara sampah organik dan sampah bukan organik dan membuangnya ke dalam tong-tong sampah khas yang disediakan oleh Perbadanan Putrajaya.

JENIS-JENIS BARANG JUALAN TIDAK DIBENARKAN

1. Barangan tiruan/cetak rompak/lucah dan apa-apa barangan lain yang diharamkan.
2. Pakaian/barangan terpakai/*bundle/reject stock*.
3. Peralatan yang lebih berupa senjata daripada kegunaan domestik seperti pedang, keris, lembing, sumpit, panah, kerambit, bahan letupan dan lain-lain.



TARIKH TERIMA
/ / 2011
NO. PERMOHONAN
/ 2011

BORANG PERMOHONAN LESEN PENAJA SEMENTARA

1	NAMA PEMOHON	:	<input type="text"/>
2	NO. KAD PENGENALAN	:	<input type="text"/>
3	NAMA SYARIKAT	:	<input type="text"/>
4	NO. PENDAFTARAN PERNIAGAAN / SYARIKAT	:	<input type="text"/>
5	ALAMAT SURAT MENYURAT	:	<input type="text"/>
6	NO. TELEFON (RUMAH & BIMBIT)	:	<input type="text"/>
7.	JENIS JUALAN (jika jualan makanan sila patuhi perkara 8 – 11)	:	<input type="text"/>
8	SIJIL KURSUS PENGENDALIAN MAKANAN	:	(SILA SERTAKAN SALINAN DOKUMEN)
9	SUNTIKAN TY2/TYPHIM VI	:	(SILA SERTAKAN SALINAN DOKUMEN)
10	SIJIL PEMERIKSAAN KESIHATAN	:	(SILA SERTAKAN SALINAN DOKUMEN)
11	MENU	:	(SILA LENGKAPKAN LAMPIRAN A)
12	PENGALAMAN BERNIAGA BERSAMA PPJ	:	<input type="text"/>

Saya dengan ini, membuat perakuan bahawa semua butiran dan kenyataan yang diberikan pada Borang Permohonan ini adalah benar dan bersetuju dengan apa jua syarat-syarat yang dikenakan oleh Perbadanan Putrajaya. Sekiranya butiran yang diberi tidak benar, maka pihak Perbadanan Putrajaya berhak menolak permohonan ini.

.....
TANDATANGAN PEMOHON

.....
TARIKH

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

1. Pemohon mestilah warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas.
2. Nama pemohon hendaklah seperti tercatat di dalam Kad Pengenalan.
3. Borang permohonan tidak akan diterima sekiranya tidak disertakan perkara berikut:
 - a. **Salinan Kad Pengenalan**
 - b. **Salinan Sijil Kursus Pengendalian Makanan**
 - c. **Salinan Dokumen Suntikan TY2/Typhim VI yang masih sah**
 - d. **Salinan Sijil Pemeriksaan Kesihatan**
 - e. **Senarai Jualan dan Cadangan Harga**
 - f. **Cop Pengesahan oleh JK Persatuan Penduduk (Bagi Penduduk Putrajaya sahaja)**
4. Pemohon dan pembantu hendaklah mendapatkan suntikan TY2/Typhim VI sebelum menjalankan perniagaan.
5. Borang permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dan ditandatangani oleh pemohon. Perbadanan Putrajaya berhak menolak permohonan yang mengandungi butiran maklumat palsu, tidak lengkap dan meragukan.

Sebarang pertanyaan, sila hubungi
Bahagian Komersial, Pengembangan Perniagaan & Pelesenan, Jabatan Perkhidmatan Bandar,
Perbadanan Putrajaya, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
Presint 3, 62675 Putrajaya.

Tel : 03-8887 7505 / 7414 / 7231

SENARAI JUALAN DAN CADANGAN HARGA

Sila isikan maklumat di mana yang berkenaan.

BIL	JENIS MAKANAN	MASAK DI TAPAK (SILA TANDAKAN '√' SEKIRANYA MEMERLUKAN AKTIVITI MEMASAK DI TAPAK)	CADANGAN HARGA JUALAN (RM)
1			
2			
3			
4			
5			
6			
7			
8			
9			

BIL	JENIS MINUMAN	CADANGAN HARGA JUALAN (RM)
1		
2		
3		
4		
5		
6		